

19/01/1998

Memanfaatkan mata wang serantau

PENGGUNAAN ringgit Malaysia (RM) atau rupiah dalam urusan perniagaan dan perdagangan membabitkan Malaysia dan Indonesia bukanlah masalah teknikal yang sukar diselesaikan. Malah menggunakan mata wang kedua-dua negara itu dalam urusan perdagangan, adalah lebih praktikal, ringkas dan menguntungkan kedua-dua negara. Sebenarnya, ia sudah pun dilaksanakan secara kecil-kecilan sama ada membabitkan sesama rakyat Indonesia di Malaysia atau rakyat Malaysia di Indonesia. Bagi pekerja Indonesia di sini, umpamanya, mengapa perlu menukar wang mereka ke dolar Amerika jika maksudnya untuk mendapatkan rupiah. Adalah lebih mudah menukarkan RM kepada rupiah. Oleh itu, dalam bidang perdagangan, prinsipnya juga adalah sama.

Kita tidak perlu menjadikan dolar Amerika ibarat `orang tengah' dalam perdagangan membabitkan Malaysia dan Indonesia. Jika ia boleh dilaksanakan secara terus, ia adalah lebih baik tanpa perlu membuat pertukaran berlapis-lapis. Disebabkan perkara ini sudah diputuskan oleh Ketua-Ketua Negara Asean di Kuala Lumpur, baru-baru ini, kita anggap ia sesuatu tindakan yang perlu dilaksanakan segera. Kita tidak mahu sesuatu keputusan yang dibuat terlalu lewat dilaksanakan. Kita percaya dalam konteks keadaan ekonomi rantau ini yang tidak menggalakkan, kedua-dua pemimpin mungkin memikirkan cara paling sesuai untuk menyegerakannya dan mungkin melihat kemungkinan adanya sedikit implikasi dan cara mengatasinya. Ini penting kerana mekanisme yang sama akan digunakan untuk hubungan dagang dengan negara lain dalam Asean.

Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jakarta kelmarin, kita anggap sebagai satu perkembangan positif ke arah menyelaraskan penggunaan mata wang di rantau ini. Mungkin, disebabkan Suharto tidak hadir di Persidangan Ketua-Ketua Negara Asean itu, sudah menjadi tanggungjawab Dr Mahathir selaku pengerusi persidangan, memaklumkan perkara itu secara peribadi kepada Presiden Indonesia. Kehadiran Dr Mahathir ke Indonesia tidak seharusnya dilihat dari aspek negatif. Sebelum ini ramai yang membuat andaian sendiri kononnya Dr Mahathir ke Indonesia atas tujuan tertentu untuk membantu Suharto. Selepas Dr Mahathir memberi penjelasan, kita berharap tidak timbul lagi andaian baru yang boleh menjejaskan keadaan ekonomi kedua-dua negara. Lawatan Dr Mahathir itu berfokus kepada usaha melaksanakan perdagangan khususnya dalam konteks penggunaan mata wang. Kita percaya ia boleh dilaksanakan pada bila-bila masa walaupun menerusi notis dalam jangka waktu yang pendek.

Perdagangan menggunakan urus niaga mata wang yang mewakili dua negara yang berdagang adalah cadangan Asean bagi mengelakkan kejatuhan nilai mata wang negara Asean. Setiap perdagangan mestilah diuruskan dengan nilai mata wang negara terbabit dalam perdagangan itu. Jika Indonesia berurus niaga dengan Thailand, ia mestilah menggunakan rupiah Indonesia atau bath Thailand. Begitu juga Singapura dan Brunei atau Malaysia dan Filipina yang perlu menggunakan wang masing-masing. Bagi setiap barangan yang hendak dijual, kita percaya harganya perlulah ditetapkan dengan harga berpandukan nilai mata wang negara pengeluaran.

Jika ia membabitkan keluaran Malaysia, harganya ditetapkan dalam RM dan pembeli dari Indonesia perlu membayarnya dalam RM. Begitu juga jika membeli barangan Indonesia yang harganya perlulah ditetapkan dalam rupiah dan pembeli dari negara ini membayarnya dengan rupiah. Jika tidak, semua perdagangan membabitkan dua negara menggunakan dolar Amerika. Ini bermakna

kita menjual barangan sendiri tetapi menggunakan nilai wang Amerika. Jika urusan niaga ini dilaksanakan di kedua-dua negara secara intensif, kita boleh bayangkanlah betapa aktifnya dolar Amerika di pasaran. Disebabkan pasaran wang Amerika ini begitu meluas di seluruh pelusuk dunia, kita tidak hairan mata wang negara itu terus kukuh. Tetapi, apa akan jadi dengan nilai mata wang RM dan rupiah. Jika kita sendiri yang sepatutnya menggerakkan jentera menggunakan mata wang berkenaan, tidak berbuat apa-apa, sampai bila pun kita tidak dapat meningkat nilai mata wang kita di pasaran perdagangan. Perlu diingat, nilai pasaran perdagangan dua hala dan pelbagai hala adalah sesuatu yang berkembang.

Malah, mata wang negara kita terpaksa tunduk kepada kekukuhan mata wang negara lain. Kita perlu akui nilai mata wang kukuh disebabkan urusan niaga perdagangannya. Lebih banyak mata wang kita di pasaran, bermakna ia terus menjalani proses perniagaan. Bayangkan perdagangan antara Malaysia-Indonesia memperlihatkan eksport Indonesia ke Malaysia berjumlah kira-kira AS1 bilion manakala import Malaysia pula AS2.2 bilion. Ini adalah kesempatan yang harus digunakan.

(END)